

29/12/2003

Amalan rewang ketepi perbezaan fahaman politik

Dr Azam Rauzan

HUJAN sejak petang dengan sekejap renyai dan sekejap lebat, tidak menghalang penulis menjengah ke Danga Bay, Pantai Lido, di Johor Bahru pada malam minggu, 20 Disember lalu.

Bersama dua lagi rakan, kami meredah hujan kira-kira jam 10 malam, semata-mata mahu menyaksikan sendiri persiapan terakhir sambutan Aidilfitri Negeri Johor, pada keesokan harinya yang Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi tetamu kehormatannya. Ia juga lawatan sulungnya ke negeri Johor selaku perdana menteri.

Setibanya di tempat itu, penulis berasa amat terharu apabila melihat begitu ramai terbabit dalam amalan rewang iaitu gotong-royong menyediakan makanan dan malam itu mereka memasak beriani gam.

Suasananya meriah dan mesra, sekalipun ramai juga yang pakaiannya basah ditimpa hujan. Masing-masing dari setiap lapan daerah berganding bahu, ada yang mengupas bawang, menyang daging, menyediakan ramuan dan sebagainya.

Bukannya mudah menyediakan beriani gam untuk sekurang-kurangnya 50,000 tetamu, tetapi penatnya tidak terasa apabila yang ringan sama dijinjing dan berat sama dipikul.

Penulisteringat ketika masih di bangku sekolah, betapa ceria dan meriahnya setiap kali ada kenduri kahwin di kampung. Semua masyarakat sekampung, sepakat berewang untuk menjayakan kenduri itu.

Muafakat sebegitu tidak lagi berlaku di bandar, seperti di tempat penulis tinggal di Bandar Baru Uda. Mereka yang mengadakan majlis kenduri menggunakan khidmat catering. Semuanya pakai upah, mengandam pengantin, membuat pelamin, menyediakan makanan hinggalah kepada mendirikan bangsal. Memang benarlah kata orang, semakin dunia bertambah maju, semakin senang kehidupan ini, Apa tidaknya, semuanya boleh `diswastakan`.

Tetapi lain pula kisahnya di negeri Johor. Pihak penganjur sambutan Aidilfitri kali ini telah menggunakan konsep rewang atau gotong-royong yang menjadi budaya masyarakat Melayu di kampung dalam penyediaan jamuan untuk tetamu majlis.

Jadi, amalan rewang yang dihidupkan semula sempena sambutan Mesra Aidilfitri Johor itu, sedikit sebanyak mengubat rindu penulis. Lebih-lebih lagi ia diadakan di Danga Bay, yang pada awal pembinaannya menjadi sebuah projek yang cukup kontroversi.

Tempat yang sebelumnya dikenali sebagai Lagun Puteri dijadikan isu oleh sesetengah pihak, termasuk pemimpin politik, dengan alasan ia adalah pembangunan yang merugikan rakyat, peniaga makanan dan pemain tenis (kebetulan ada gelanggang tenis di situ). Malah ada juga kumpulan pencinta alam yang mengatakan bahawa burung-burung akan terhapus dan bertempieran apabila paya bakau di tebus guna.

Namun projek berkenaan tetap dimulakan selepas berunding dengan semua pihak terbabit. Sejak itu juga, kawasan berkenaan ditutup dengan pagar hingga menimbulkan rasa ingin tahu perkembangannya di kalangan orang ramai.

Keadaan itu turut mendorong penulis untuk bergegas sendiri ke tempat itu, yang pertama kali dibuka kepada orang ramai, sempena majlis Aidilfitri itu.

Pada malam itu, penulis menyaksikan sendiri kawasan berkenaan yang asalnya taman awam yang tidak terurus sudah berubah wajah. Sekalipun, ia belum siap, tetapi sudah boleh menerima pengunjung di kawasan bersiar-siar di gigi air serta di medan selernya.

Penulis berasa bangga apabila Kerajaan Johor meneruskan juga projek berkenaan sekalipun mendapat tentangan beberapa pihak termasuk ahli politik, pencinta alam dan peniaga.

Tidaklah lama sangat sejak projek itu dimulakan dan walaupun belum siap

sepenuhnya, peniaga sudah pun boleh berniaga dengan lebih selesa di medan selera itu. Pencinta alam boleh menikmati suasana yang lebih indah dan teratur dengan kawasan pantai yang rosak dan tercemar dibaik pulih.

Malah penulis dapat melihat sungguh banyak sekali burung-burung yang satu ketika dulu `bermastautin' di sana, kembali semula. Mungkin disebabkan oleh ramai pengunjung membawa makanan untuk mereka serta suasana yang lebih indah dan permai daripada keadaan paya bakau yang asal.

Penulis melihat pembangunan di situ sebagai satu agenda sosial kerajaan negeri kepada rakyatnya dengan mengekalkan Pantai Lido sebagai pusat riadah dalam bentuk lebih moden dan sesuai dengan kehidupan hari ini. Dan tentunya ia memberi nilai tambah kepada perjuangan ahli politik di kawasan berkenaan yang satu ketika dulu turut mengemam pelaksanaan projek itu.

Danga Bay, apabila siap kelak, tidak mungkin dapat menyamai kehebatan pantai peranginan di dunia (rasa prejudis penulis sendiri) seperti di Costa Rica, Miami atau Gold Coast, tapi ia tetap menjadi satu kebanggaan.

Agak tidak keterlaluan kalau penulis boleh mengatakan bahawa, Pusat Rekreasi dan Riadah, Danga Bay akan menjadi satu tarikan utama pelancong asing ke negara kita dalam sedikit masa lagi. Pastikan jika anda datang melawat Johor, kunjungan anda tidak lengkap tanpa menjengah ke tapak ini.

Ramai penduduk Johor Bahru, yang berkesempatan melihat model projek Danga Bay ini ketika lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri ketika itu), pada pertengahan tahun. Berdasarkan model itu, projek berkenaan akan menjadi mercu tanda pembangunan dan kehidupan di gigi air dan kini, rakyat Johor telah dapat melihat hasilnya di depan mata mereka.

Apa yang sudah terbina di situ setakat ini, memenuhi cita rasa yang ditetapkan bagi tujuan itu dan eloklah tempat berkenaan dikunjungi untuk melihat sendiri kemajuannya.

Alangkah baiknya kalau ini semua dinilai dan dihayati dengan sewajarnya dengan melihat kepentingan ramai sebagai agenda utama.

Samalah seperti amalan rewang yang disebut awal-awal tadi, bukan sekadar mengembalikan nilai tradisi Melayu, bahkan adalah satu daripada kunci kesepaduan dan kesatuan warga Johor.

Penulis dapat membayangkan betapa berbunganya hati mereka yang turun berewang pada malam itu, lebih-lebih lagi apabila sempat bermesra dengan Menteri Besar Johor dan isteri yang singgah dan menghabiskan masa hampir tiga jam di situ.

Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, yang baru selesai menghadiri majlis rasmi iaitu Festival Tari Malaysia, tiba ketika dinihari. Dalam hujan lebat itu, beliau suami isteri turut serta memegang sudip dan senduk, di samping menjamah nasi beriani yang sudah masak.

Penulis dan beberapa rakan, termasuk rakan-rakan wartawan yang datang malam itu, juga dapat menumpang `sepinggan' nasi beriani gam yang baru selesai dimasak.

Suasana hujan tidak terasa apabila semua yang terbabit memasak kelihatan ceria dan mesra bersama-sama Menteri Besar serta isteri yang singgah di setiap khemah walaupun sudah melampaui jam 2 pagi.

Seorang kenalan dari Kuala Lumpur yang kebetulan bercuti di rumah saudaranya di Johor Bahru (terserempak dengan penulis di Danga Bay, keesokannya), mengaku sempat singgah pada malam itu dan dia berasa amat seronok serta menyanjungi rewang yang dijalankan.

Malah, katanya, dia tidak terasa pun ada bahang politik atau bahang pilihan raya seperti di negeri lain. Dia tidak nampak unsur politik ditonjolkan dalam perbualan dan sepanjang sambutan mesra Aidilfitri itu.

Kenalan itu merujuk atur cara majlis meraikan ketibaan Perdana Menteri dengan marhaban yang menjadi amalan rakyat Johor pada majlis hari raya. Ucapan pemimpin juga tidak meleret-leret dan lebih tertumpu kepada soal saling hormat-menghormati dalam kepelbagaian kaum dan agama.

Dia percaya iklim politik akan lebih stabil jika sikap dan suasana itu dapat diperluas dan diamalkan di tempat lain, iaitu sesuatu kerja itu tidak dipolitikkan, sekalipun ia membabitkan orang politik.

Ini jelas terbukti apabila lebih 150,000 rakyat pelbagai kaum, agama dan

keturunan, termasuk dari negara jiran, membanjiri dataran Danga Bay pada hari berkenaan. Dan tentu sekali suasana ini adalah hasil usaha gigih pemimpin kerajaan Barisan Nasional mentadbir negara dengan penuh keprihatinan dan kesaksamaan di dalam masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Penulis ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur - Yayasan Warisan Johor, Majlis Tindakan Pelancongan Johor serta TV3 yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan program rakyat yang juga acara 'grand finale' sempena tahun melawat Johor 2003 yang gemilang.

Akhir kata, penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada pembaca semua, semoga kedatangan tahun 2004 ini dapat diiringi dengan azam yang baru dan jitu untuk sama-sama kita meneruskan kehidupan ini.

Sesungguhnya dalam kehidupan ini, tiada ertinya kalau kita kaya tetapi jiwa miskin, rumah kita lapang tetapi hati sempit, berpengetahuan tetapi budinya rendah, berpangkat tinggi tetapi hidup di benci orang, rumah indah tetapi hati susah dan berharta banyak tetapi badan berpenyakit. Selamat Tahun Baru 2004.